

Alumni jadi *role model*

Bawa kredibiliti ikon universiti yang berjaya

DENGAN semangat alumni untuk menyokong kecemerlangan universiti, mereka membawa kredibiliti sebagai sebahagian daripada ikon universiti yang berjaya dan menghadapi cabaran yang serupa dihadapi oleh mahasiswa suatu ketika dahulu.

Pengalaman yang dikongsi oleh alumni dengan mahasiswa sama ada dalam pembangunan disiplin diri atau dalam pengurusan kerjaya boleh diterima dengan lebih mudah sebagai bimbingan dan inspirasi oleh mahasiswa.

Mengulas isu ini, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman berkata, alumni boleh dijadikan *role model* yang berkesan dan diterima oleh mahasiswa.

"Alumni boleh membantu dalam mengukuhkan keyakinan, meningkatkan kemahiran insaniah dan semai budaya yang betul selaras dengan apa yang diharapkan oleh universiti untuk disampaikan kepada mahasiswa," katanya.



PERANAN alumni memberi impak besar kepada mahasiswa mahupun universiti.

Peranan pusat alumni

Pusat Alumni UPM (ACUPM) berperanan mempromosikan dan memperkukuhkan jalinan hubungan antara alumni UPM tempatan dan antarabangsa secara berterusan di samping menyelaraskan dan menguruskan penajaan pendapatan serta meningkatkan dana biasiswa atau bantuan kewangan mahasiswa UPM.

"Bertepatan dengan *tagline* ACUPM iaitu 'Tradisi Menyumbang, Budaya Iktan', perasaan kecintaan alumni terhadap alma mater menjadi fokus utama kerana alumni adalah pemegang taruh yang menyokong dan mempengaruhi masyarakat terhadap imej dan pembangunan universiti dalam usaha melonjakkan reputasi UPM," katanya.

Jelas Prof. Roslan, hubungan alumni dengan alma mater tidak pernah terputus, terutama dari segi membina jaringan serta kolaborasi strategik dalam melestarikan peranan dan sumbangan alumni kepada pembangunan sahsiah mahasiswa.

"Selain itu, peranan alumni juga sebagai mentor kerjaya dengan memberi panduan dalam menyediakan platform kepada mahasiswa untuk diterima kerja sama ada melalui latihan praktikal di institusi alumni itu berada. Malah, alumni ini turut menjadi rujukan kepada fakulti dalam memenuhi keperluan mahasiswa untuk mendapatkan pekerjaan dalam bidang terpilih.

"Tidak dinafikan juga peranan alumni dalam menyumbang kepakaran mereka antaranya sebagai pensyarah tamu, penasihat dalam jawatankuasa, pakar industri dan rakan kerjasama dalam projek dengan universiti. Dalam bidang penyelidikan industri, alumni boleh membuka pintu untuk universiti memasuki rangkaian

industri sama ada di Malaysia mahu pun di luar negara," katanya.

Digalakkan untuk berbakti

Menurut Pengarah Pusat Alumni, Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr. Muslimin Wallang, alumni dilihat pihak yang boleh memberi maklum balas kepada setiap program

pengajian bagi tujuan penambahbaikan kerana mereka merupakan 'produk' universiti.

"Keterlibatan alumni yang menjurus kepada satu-satu industri juga dilihat sebagai satu platform bagi membantu mahasiswa. Malah, alumni yang berjaya juga digalakkan untuk sentiasa berbakti kepada universiti dengan melibatkan diri sebagai ahli jawatankuasa atau profesor adjung kerana pengalaman mereka di dalam industri amat diperlukan bagi membantu pembangunan universiti.

"Selain itu, perkongsian ilmu dan pengalaman alumni sendiri, penajaan dana melalui sumbangan dalam kalangan alumni banyak membantu mahasiswa terutamanya daripada golongan B40 meneruskan kehidupan dan pengajian mereka di kampus," katanya.

Jelasnya lagi, bagi memudahkan perancangan dan pelaksanaan aktiviti, persatuan alumni telah ditubuhkan di setiap negeri. Antaranya, Alumni UUM Chapter Pahang, Alumni UUM Chapter Sabah, Alumni UUM Chapter KL dan sebagainya.

Hubungan baik dengan semua alumni melalui *chapter* ini telah memudahkan penganjuran dan pelaksanaan aktiviti tahunan Pusat Alumni.

"Buat masa ini, Persatuan Alumni UUM dan EDC Hotel sedang



MOHD ROSLAN



MUSLIMIN WALLANG

Reaksi

Peranan alumni kepada mahasiswa, apa komen anda?

“Pengaruh alumni sangat besar terutama dalam aspek pendidikan, kepimpinan dan pengurusan untuk membantu mahasiswa menjadi nadi penggerak masa hadapan negara yang lebih cerah.” - Wan Ahmad Fawwaz Wan Bharudin, mahasiswa jurusan Sains Gunaan (Geosains), Universiti Malaysia Kelantan



“Pencapaian alumni merupakan gambaran kejayaan sesebuah universiti dalam mendidik mahasiswa ke arah yang lebih cemerlang.” - Shafiqah Syahirah Hanafi, mahasiswa jurusan Doktor Perubatan Veterinar, Universiti Malaysia Kelantan



“Alumni merupakan salah satu aset yang mampu memainkan peranan penting dalam menghubungkan pihak universiti dengan dunia luar.” - Nur 'Izzatul Zaharah Mohd Rosli, mahasiswa jurusan Sains Senibina dan Ekistik, Universiti Malaysia Kelantan



berbincang dan merangka strategi untuk menarik minat alumni kembali ke UUM. Dengan pemberian diskaun kepada kemudahan yang digunakan di UUM (pusat sukan, golf, go-kart dan sebagainya) dan EDC Hotel, diharapkan dapat menarik minat alumni untuk kembali ke UUM dan seterusnya membantu di dalam penajaan kewangan UUM.

"Dengan adanya kerjasama yang erat antara Pusat Alumni dan *chapter* setiap negeri, serta aktiviti yang dirancang sebaik mungkin, saya percaya dengan cara ini ia akan menarik lebih ramai alumni untuk kembali menyumbang kepada UUM," katanya.

Info

Pusat Alumni UPM (ACUPM)

- Ditubuhkan pada 1 Januari 1999 sebagai Unit Alumni diikuti Pusat Perkhidmatan Kerjaya dan Alumni (PPKA) pada 1 Ogos 2003 dan pada 1 Julai 2006 ditukar kepada Pusat Alumni UPM (ACUPM).
- Mempunyai lebih 120,000 alumni yang berdaftar.
- Menyasarkan lima strategi di bawah *Alumni Passion and Compassion Initiatives* iaitu *Alumni Scholarship* (bantuan kumpul dana mahasiswa RM13 juta), *Alumni Sponsorship*, *1A1SR Campaign* (Kempen 1 Alumni 1 Sumbangan Ringgit), *Alumni Endowment* dan *Alumni Crowdfunding*.

Pusat Alumni UUM

- Ditubuhkan pada tahun 2000 sebagai Unit Alumni diikuti Unit Perhubungan Alumni (UPA) pada 1 Ogos 2005 dan pada 22 April 2008 ditukar kepada Pusat Alumni UUM.
- Mempunyai 135,258 alumni yang berdaftar.